

Bebas daripada dogma

Oleh **NOOR AZAM SHAIRI**
(WARTAWAN UTUSAN)

KETIKA menutup ucapannya merasmikan Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif) 2002 Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para peserta betapa masalah yang membelenggu umat Islam hari ini sudah lama dikenal pasti.

“Kita tidak perlu kepada banyak seminar dan persidangan yang akhirnya akan mencapai rumusan yang serupa.

“Kita perlu bertindak dan bagaimana kita harus bertindak melaksanakan apa yang nyata, itulah yang perlu kita fikirkan sekarang,” katanya.

Secara khusus, Dr. Mahathir menyentuh tentang perlunya orang Islam menguasai pelbagai cabang ilmu - dan tidak hanya ilmu agama - agar kekuatan ummah yang pernah suatu masa dulu gemilang dapat diangkat semula martabatnya.

Secara amnya, ingatan Perdana Menteri itu cukup relevan dalam konteks mahu memahami masalah yang dihadapi oleh umat Islam di serata dunia hari ini.

Ucapan beliau yang menyentuh tentang peranan ilmu schagai alat untuk memperkatakan umat Islam itu kemudiannya jelas sedikit sebanyak membentuk nada nerbincanran tiga hari berikut-



suara Islam yang pragmatik dan progresif.

Kalif dianjurkan dengan satu harapan yang murni iaitu mahu mengingatkan umat Islam supaya tidak terlalu dogmatik dan kaku dalam pemikiran mereka tentang agama.

“Kita mesti jelas tentang apa yang tidak boleh diubah dan apa yang boleh berubah mengikut masa dan keadaan,” kata Abdullah.

Tegas beliau, sesetengah umat Islam hari ini terlalu berpegang kepada tafsiran ulama sehinggakan sebahagian daripadanya langsung tidak boleh dicabar

itu, Farish berkata, seminar dan persidangan tentang Islam selama ini gagal untuk mengubah keadaan kerana ia tidak bergerak keluar daripada “usaha mencari ubat kepada penyakit”.

“Kita sudah ada diagnosisnya, kita sudah tahu penyakitnya; tinggal hendak mengubatinya saja,” katanya.

Namun Farish optimis segala perbincangan dalam Kalif 2002 tidak akan mati begitu saja sebaliknya akan diterjemahkan ke dalam bentuk pemahaman yang lebih konkrit.

“Saya melihat penglibatan banyak kelompok - kerajaan, badan bukan kerajaan, intelek, aktivis baik yang Islam dan bukan Islam - sebagai sesuatu yang positif,” katanya.

Tegas beliau, pendekatan yang menyeluruh itu adalah sesuatu yang akan membezakan Kalif 2002 daripada banyak seminar atau persidangan tentang Islam yang diadakan selama ini.

Dan kalau melihat kepada reaksi spontan para peserta yang datang dari serata dunia itu, Kalif mempunyai masa depan yang amat cerah untuk hadir sebagai satu pentas tempat kita melontarkan suara Islam yang pragmatik dan progresif.

Cadangan

Ketika diminta oleh Pengarah Kalif 2002, Khairy Jamaluddin untuk mem-

Antara lain, Kalif merumuskan tentang perlunya penyusunan semula sistem pendidikan dengan memperkenalkan mata pelajaran perbandingan agama bagi melahirkan satu masyarakat Islam yang terbuka dan tidak jumud pemikirannya.

Forum itu juga menegaskan bahawa

nya.

Kalif 2002 adalah sebuah forum wacana intelektual tentang Islam yang diharapkan akan dapat mencetuskan perdebatan dan perbincangan mengenai cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam.

Bakal

Forum anjuran Pejabat Timbalan Perdana Menteri itu bakal dijadikan sebagai acara tahunan dengan mengambil Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos dan Sidang Meja Bulat Asia Pasifik sebagai modelnya.

Forum yang dicetuskan ideanya oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu mengambil isu **Islam dan Politik** sebagai tema perbincangan sulungnya.

Antara topik yang dibincangkan pada forum ini ialah tentang konsep negara Islam, isu hak asasi manusia dan demokrasi dalam Islam serta jawapan Islam kepada cabaran yang dihadapakan oleh arus globalisasi.

Semua itu adalah isu yang menjadi polemik bukan saja di negara ini malah di serata dunia Islam amnya apabila golongan yang teguh berpegang kepada tafsiran lama bertembung fahaman dengan kumpulan yang mencari tafsiran baru.

Secara ringkasnya, Kalif 2002 cuba mengeluarkan umat Islam daripada pandangan lama yang terlalu mengongkang, dan menunjukkan kepada dunia

atau dinilai semula.

Sehubungan itu, beliau menekankan tentang pentingnya matlamat syariah untuk membawa keadilan, keamanan, percambahan ilmu pengetahuan dan ihsan dapat dicapai.

Itulah sedikit sebanyak yang dapat dikesan daripada perbincangan intelektual tiga hari pada forum itu – bahawa Islam bukanlah terlalu kaku seperti yang digambarkan kepada kita selama ini.

Dalam dunia moden yang cepat berubah, Islam ada jawapannya yang tersendiri terhadap apa juga cabaran yang dilontarkan oleh keadaan khususnya dunia masa kini.

Begitu juga tentang isu-isu yang selalu menjadi perdebatan di kalangan umat Islam. Tentang undang-undang Islam misalnya yang selalu dilihat sebagai kayu pengukur Islam atau tidak sesebuah negara, Kalif 2002 mengingatkan sebaliknya – bahawa Islam mengutamakan semangat keadilan, kesejahteraan serta kebajikan masyarakat terbanyak, dan bukannya bentuk hukuman yang dikenakan.

Pemikir Islam dari Afrika Selatan, Dr. Ebrahim Moosa melihat penganjuran Kalif sebagai satu permulaan yang baik untuk mencetuskan satu perbincangan yang positif tentang Islam.

“Kalif bukan tempat untuk mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh umat Islam tetapi ruang untuk membincangkan idea-idea penyelesaiannya,” kata beliau.

umat Islam perlu bukan saja berdialog dengan dunia Barat tetapi dengan rakan-rakan daripada tamadun lain. Dialog yang ha& bersifat terbuka dan realistik itu tidak sepatutnya bertolak daripada landasan agama tetapi boleh juga bermula dalam apa juga pentas termasuk ekonomi dan budaya.

Kalau melihat kepada rumusan yang diputuskan dalam Kalif 2002 itu, maknanya forum itu adalah pencetus kepada percambahan idea, dan kerja sebenar yang menunggu kita ialah selepas forum itu selesai.

Menterjemahkan

“Cabaran kita ialah bagaimana hendak menterjemahkan idea-idea yang diperdebatkan dalam forum ini,” kata Dr. Farish A. Noor, Fellow di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

“Kita perlu menjelaskan isu-isu yang dibincangkan pada Kalif 2002 ini kepada masyarakat umum dalam bahasa mereka, dan bukannya bahasa golongan intelek.”

Jelas beliau, dalam masyarakat hari ini wujud satu jurang yang agak luas antara golongan intelektual dan orang ramai mengakibatkan sukarnya isu-isu penting dibincangkan dengan meluas.

Oleh itu, bukan jarang kita melihat bagaimana kadangkala berlaku salah faham yang ketara di kalangan orang terbanyak apabila golongan intelek ini membuka mulut.

Merujuk kepada ucapan Dr. Mahathir

berikan cadangan isu-isu menarik yang boleh dijadikan topik perbincangan Kalif tahun depan, para peserta mengemukakan pelbagai pandangan.

Ada yang mahu hubung kait Islam dengan sains dan ilmu pengetahuan diperdebatkan pada tahun depan. Ada yang ingin isu alam sekitar diketengahkan dan tidak kurang pula yang mahu beberapa isu yang dibangkitkan pada tahun ini diperhalusi pada tahun depan.

Biar apa pun isu yang akan diketengahkan pada tahun depan, Kalif adalah satu katalis yang diharapkan mengukuhkan pemikiran masyarakat tentang Islam yang lebih progresif.

“Hari ini bukan penutupnya tetapi kerja kita baru saja bermula. Kita perlu lebih banyak bekerja selepas ini,” kata Ebrahim.

Itulah tugas besar yang menanti para pemikir dan aktivis Islam iaitu terus meyakinkan masyarakat tentang suara Islam yang pragmatik dan progresif dalam menghadapi cabaran dunia yang serba baru.

Dalam melakukan itu, mereka harus selalu ingat kepada pesanan Timbalan Perdana Menteri tentang pentingnya usaha itu dilakukan sehingga berjaya.

Kata Abdullah: “Sekiranya kita gagal, saya bimbang dunia Islam tidak akan bangkit semula selama-lamanya.

“Sekiranya kita gagal, semua tanggapan stereotaip tentang Islam yang dibayangkan oleh Barat akan menjadi realiti. Sekiranya kita gagal, kita akan sekali lagi menggagalkan Islam.”